

Dr. Mahathir tolak semua jawatan dalam UMNO

UM 23 NOV 2003

KUALA LUMPUR 22 Nov. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menolak sebarang jawatan dalam UMNO termasuk sebagai Ketua Penaja UMNO Bahagian Kubang Pasu.

Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, Dr. Mahathir telah meminta supaya dilepaskan sebagai ketua UMNO bahagian itu.

Sehubungan itu katanya, Jawatankuasa Pengurusan parti telah memutuskan untuk melantik Tan Sri Osman Aroff sebagai ketua penaja.

Bekas Menteri Besar Kedah itu, sebelum ini adalah Timbalan Ketua Bahagian tersebut.

“Tun Dr. Mahathir menyuarakan bahawa beliau tidak mahu pegang apa-apa jawatan sekali pun.

“Sebab itu (Jawatankuasa) Pengurusan cadang Tan Sri Osman ambil alih dan Datuk Johari Baharum sebagai timbalan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang dipengerusikan oleh Pemangku Presidennya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Abdullah pada sidang akhbarinya sebelum itu memberitahu bahawa, Dr. Mahathir merupakan antara tujuh ketua bahagian yang tidak dipilih semula bagi mengetuai jawatankuasa penaja bahagian yang diluluskan oleh MT pada mesyuarat tersebut.

Hari ini *Utusan Malaysia* melaporkan bahawa Dr. Mahathir dijangka kekal mengetuai bahagian Kubang Pasu.

Bagaimanapun kata Tengku Adnan, bekas Perdana Menteri itu menolak untuk berbuat demikian.

Pada 31 Julai lalu, MT UMNO memutuskan untuk membubar semua jawatankuasa bahagian dan melantik jawatankuasa penaja berikutan pelaksanaan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang turut dijadikan bahagian baru parti itu.

Jawatankuasa penaja itu, termasuk pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri akan dikekalkan sehingga pemilihan parti yang dijadualkan pada perhimpunan agung UMNO tahun depan.